

23/10/1997

ASM dinaik taraf Institut Teknologi Seni

Rahman Hashim

AKADEMI Seni Melaka (ASM) dinaikkan taraf sebagai Institut Teknologi Seni Malaysia (ITSM) tidak lama lagi bagi menyediakan tempat mencukupi kepada lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian di bidang berkaitan yang semakin bertambah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata kampus tetap institut itu sudah ditetapkan di kawasan seluas 14 hektar di Ayer Keroh, iaitu tapak asal ASM, membabitkan kos pembinaan RM25 juta.

Beliau berkata, kerajaan akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Pengurus Besar ASM, Abdul Mutalib Rani dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Zahar Jantan bagi mempercepatkan pembinaan kampus tetap itu.

"ITSM ini akan memulakan pengambilan pertama pelajar selepas keputusan SPM diumumkan tahun depan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri, di sini, semalam.

Dengan langkah itu ASM yang diperbadankan pada 4 Mac 1994, mengikut Akta Syarikat 1995 dan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri dijangka mampu melahirkan lulusan diploma yang diiktiraf kerajaan.

Abu Zahar berkata, pengambilan terpaksa dibuat selepas keputusan SPM bagi memudahkan kumpulan pertama pelajar ASM, iaitu 263 penuntut menamatkan pengajian Diploma Seni, Mac tahun depan.

Menurutnya, pada masa ini, Diploma Seni membabitkan pengajian sastera, budaya, pelancongan dan teater selama dua tahun, dikawal selia oleh Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Perubahan itu juga antara lain bertujuan menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan institusi pendidikan awam dan swasta supaya menyediakan kurikulum teknologi maklumat bagi memenuhi sumber tenaga manusia," katanya.

Menurut Abu Zahar, bidang pengajian di ITSM akan dibahagikan kepada beberapa bidang dalam usaha menjadikan institut itu mempunyai daya saing dengan pusat pengajian tempatan lain.

Antara bidang diwujudkan ialah mengadakan pengajian Seni Budaya Sastera dan Pelancongan untuk pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran di peringkat diploma, dalam dan luar negara dengan mengadakan program kawal selia kokurikulum bersama.

Abu Zahar berkata, ITSM juga akan mengadakan memorandum persefahaman dengan beberapa institusi pengajian tinggi tempatan, termasuk Institut Teknologi Mara dan Universiti Telekom Malaysia, untuk menyediakan program teknologi maklumat pada peringkat asas, diploma dan ijazah.

"Buat masa ini, ITSM mengadakan perbincangan dengan Institut Teknologi Bandung mengenai kurikulum yang boleh diadakan bagi melahirkan lebih ramai jurutera telekomunikasi dan industri," katanya.

Menurut Abu Zahar, ITSM dibenarkan mengambil pelajar asing untuk menuntut di situ dan tenaga pensyarah ITSM adalah dari kalangan pensyarah universiti tempatan.

(END)